

'Rakyat boleh berdepan dengan Ibrahim Ali'

Malaysiakini.com

May 24, 2011

Kerajaan tidak perlu mengambil tindakan terhadap Presiden PERKASA Datuk Ibrahim Ali berhubung isu 'perang salib' kerana masyarakat sudah matang dalam menghadapi isu-isu sensitif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz berkata rakyat Malaysia kini tidak lagi takut membincangkan isu yang tidak berapa lama dahulu dianggap sebagai tabu.

"Sebagai hasil daripada media alternatif, kamu sebenarnya telah membuka masyarakat.... Kehadiran alternatif media membuka dimensi baru, daripada aspek kamu boleh bincangkan apa saja," katanya dalam sidang media di parlimen hari ini.

"Selepas dua atau tiga tahun, saya lihat masyarakat sudah berubah dan matang. Perkara seperti itu, yang diluahkan Ibrahim Ali, tidak lagi dianggap terlalu sensitif untuk kita bicarakan."

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/165000>